

KENAIKAN KADAR ELAUN BANTUAN SARA HIDUP (COLA)

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 2019

Pegawai Yang Layak

Pegawai yang layak Bantuan Sara Hidup:-

- 1 Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana;
- 2 Lantikan tetap, sementara, kontrak (*of service*), dan guru interim;
- 3 Diluluskan sebarang Cuti Bergaji Penuh;
- 4 Diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh;
- 5 Diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian;
- 6 Diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian.

Pegawai Yang Tidak Layak

Pegawai yang tidak layak Bantuan Sara Hidup:-

- 1 Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- 2 Pegawai *Contract for Service*;
- 3 Dibayar Bayaran Insentif Wilayah;
- 4 Memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- 5 Berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
- 6 Dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta;
- 7 Dibayar Elaun Perbezaan Sara Hidup;
- 8 Diluluskan Cuti Belajar di luar negara melebihi 1 tahun; atau
- 9 Bercuti Tanpa Gaji

KADAR

Kumpulan Staf/ Kawasan	Kawasan A	Kawasan B	Kawasan Lain
Kumpulan Pengurusan & Profesional	300	250	150
Kumpulan Pelaksana	350	300	200
Pihak Berkuasa Tempatan	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	Johor :Batu Pahat, Kluang, Kulai, Muar, Pasir Gudang, Segamat	
	Pulau Pinang Pulau Pinang, Seberang Perai	Kedah : Alor Star, Kulim, Langkawi, Sungai Petani dan Kubang Pasu	
	Selangor Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya	Kelantan : Kota Bharu	
	Johor Johor Bahru dan Iskandar Puteri	Negeri Sembilan : Nilai, Port Dickson, Seremban	
		Perak : Ipoh, K. Kangsar, Manjung, Taiping, Teluk Intan	
		Pahang : Bentong, Kuantan, Temerloh	
		Perlis : Kangar	
	Terengganu : Kemaman, Kuala Terengganu, Dungun		

Kadar Bantuan Sara Hidup bagi pegawai yang diperuntuk Rumah Kerajaan:-

01

Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 km radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh daripada kelayakan pegawai; atau

02

Rumah Kerajaan melebihi 25 km radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar penuh



Pembayaran bantuan sara hidup hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap 1 bulan.

1 Januari 2020



** Staf akan dibayar tunggakan COLA bagi bulan Januari 2020. Pastikan staf yang melapor diri pada bulan Januari dan tidak cukup 1 bulan perkhidmatan diberi kadar bayaran proportionate.*

SOALAN LAZIM

01

Bagaimanakah kaedah pelaksanaan bayaran BSH kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan?

BSH dibayar mengikut tempat kerja (pejabat) berdasarkan waran perjawatan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Kadar BSH adalah berbeza mengikut Kawasan dan kumpulan perkhidmatan mengikut Jadual 1, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019.

02

Adakah pegawai yang diluluskan Cuti Belajar/ kursus jangka panjang di **dalam negara** layak menerima BSH?

Pegawai layak menerima BSH mengikut lokasi institusi pengajian. Bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/ kursus jangka panjang di Sabah/ Sarawak/ Labuan, kadar BSH adalah mengikut Kawasan A.

** Nota: Kursus Jangka Panjang adalah kursus sepenuh masa yang melebihi 12 bulan kalendar*



SOALAN LAZIM

03

Adakah pegawai yang diluluskan Cuti Belajar/ kursus jangka sederhana/ pendek (sama ada **di dalam** atau **luar negara**) layak menerima BSH?

Pegawai layak menerima BSH mengikut tempat kerja (pejabat) berdasarkan waran perjawatan di mana pegawai ditempatkan.

04

Bagaimana untuk menentukan kadar BSH bagi pegawai yang ditempatkan secara pentadbiran di sesuatu pejabat?

Pembayaran BSH adalah dibuat berdasarkan tempat kerja pegawai atau institusi pengajian (bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar dalam negara). Tempat kerja pegawai adalah merujuk kepada waran perjawatan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

** Nota: Kursus Jangka Sederhana adalah kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi 3 bulan tetapi tidak melebihi 12 bulan kalendar
Kursus Jangka Pendek adalah kursus sepenuh masa yang tempohnya tidak melebihi 3 bulan*





Terima Kasih

Seksyen Perkhidmatan & Saraan
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
22.01.2020